

Air naik dalam tempoh lima jam

Teluk Bahang ditenggelami banjir kilat akibat hujan berterusan sejak awal pagi lagi

TELUKBAHANG- Hujan berterusan dalam tempoh lima jam menyebabkan Teluk Bahang lumpuh apabila air naik mendadak dalam satu kejadian banjir kilat, di sini, petang semalam.

Sebahagian penduduk tidak sempat mengalihkan kenderaan sehingga menyebabkan ia ditenggelami banjir.

Penduduk, Razman Isa, 36 berkata, dia tidak pernah melihat air naik secepat itu di Teluk Bahang.

"Biasanya kalau banjir kilat biasa saja, sampai lutut dan air tidak laju. Berbeza kali ini bila air naik laju.

"Memang kali pertama kami lihat keadaan sebegini dan lebih kurang 10 kereta saya lihat tenggelam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beberapa penduduk dilihat turut bekerjasama membantu mengalihkan kenderaan yang hampir tenggelam.

Bagi peniaga makanan, Roslina Ayob, 43, berkata, dia ti-



Air turut memasuki rumah penduduk.



Hujan berterusan selama lima jam menyebabkan air naik mendadak.

dak sempat menjalankan perniagaan seperti biasa.

"Saya terpaksa simpan semula lauk yang dimasak seawal jam 12 tengah hari selepas melihat air naik mendadak.

"Nasib baik tindakan saya betul kerana kemudiannya kedai saya dinaiki air sehingga paras lutut, kereta

saya juga hampir tenggelam, tetapi kemudiannya dialihkan ke kawasan masjid dengan segera," katanya.

Kejadian agar luar biasa

Adun Teluk Bahang, Shah Headan Ayoob Shah berkata, hujan berterusan sejak awal pagi lagi menyebabkan berlakunya banjir kilat yang bermula seawal jam 1 petang.

"Hujan tidak lebat mana tetapi tidak berhenti, pada saya ini kejadian banjir yang agak luar biasa.

"Lebih 400 keluarga terjejas terutama di Kampung Teluk Awak dan sekitar kawasan rumah pangsa," katanya.

Shah Headan berkata, pihaknya mengadakan majlis gotong-royong bagi menyediakan makan malam buat penduduk yang terjejas.

"Dalam masa sama, saya akan melihat apa punca sebenar banjir ini, ada kemungkinan air pasang bertembung dengan hujan lebat ataupun kemungkinan gara-gara bukit kita yang semakin botak.

"Saya akan melihat perkara ini secara terperinci kerana banjir sebegini tidak pernah terjadi, dan ia amat me-

ngejutkan," katanya.

Banjir disebabkan kurangnya pokok

Sementara itu Pengerusi Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka) Pulau Pinang, Syed Kamalrul Sufian Syed Kadiron Mustafa berkata, pihaknya yakin banjir tersebut berlaku disebabkan

kurangnya pokok di kawasan bukit sekitar Teluk Bahang.

Menurutnya, pihaknya berkali-kali membangkitkan isu berkenaan di media.

"Memang bukit kita ditarah sehingga gondol, pokok-pokok yang sebelum ini hidup menghalang air hujan sudah semakin kurang.

"Kami terkilang dengan kejadian ini, mungkin juga disebabkan air pasang... itu tidak dinafikan tetapi harus diingatkan, keadaan banjir di Teluk Bahang begitu luar biasa, yang susah penduduk," katanya.

Syed Kamalrul berkata, air banjir juga dilihat begitu keruh dan berbeza dengan air banjir kilat yang biasa.

"Kalau hendak kata air laut pun tidak begitu, kita yakin air ini turun dari bukit, memang sangat keruh," katanya.



SHAH HEADAN

Berikutan kejadian itu, Peka akan menghantar memorandum bantahan penebangan pokok di kawasan berbukit kepada Ketua Menteri, Lim Guan Eng dalam masa terdekat.

"Kami amat kecewa, sebagai penduduk di sini, kami sendiri sedia maklum, kawasan pulau begitu jarang dinaiki air banjir yang luar biasa.

"Jadi kerja pembersihan bukit di semua tempat perlu dihentikan segera," katanya.

Sementara itu, Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba Dan Penyelamat negeri dalam kenyataannya berkata, seramai 19 anggota termasuk penyelia turut terlibat dalam operasi menyelamatkan banjir kilat yang berlaku di Kampung Nelayan Teluk Bahang, Mukim 1, Teluk Bahang.

"Setibanya pasukan bomba di tempat kejadian, kami mendapati lebih 20 rumah teres dan kampung bersebelahan terlibat dengan anggaran ketinggian air 0.6 meter yang berpunca dari hujan lebat dan air laut pasang.

"Ketua operasi mengarahkan anggota membuat pemantauan dan hanya seorang warga emas dipindahkan ke kawasan selamat," katanya.

